

13/06/2003

Tekanan AS terhadap Yangon tidak bawa hasil

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tekanan yang cuba dikenakan Amerika Syarikat ke atas junta Myanmar dalam menyelesaikan konflik terbaru negara itu, adalah tidak konstruktif sama sekali.

Dr Mahathir berkata, apabila kuasa besar cuba memberi tekanan sedemikian, ia tidak akan menghasilkan sebarang penyelesaian.

"Tidak konstruktif jika kita terus menekan orang. Apabila mereka (Amerika) cuba memberi tekanan seperti itu, ia tidak akan membawa hasil.

"Malah jika mereka (junta Myanmar) membuat perkara lain, ia akan hanya memberi satu tekanan berbeza kepada konflik di sana," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku Reflections of Pre-Independence Malaya, tulisan Datuk Mohamed Abid, di sini semalam.

Beliau diminta mengulas sama ada rundingan adalah cara terbaik dalam menyelesaikan konflik terbaru di Myanmar selepas pemimpin pembangkang negara itu, Aung San Suu Kyi ditahan semula, berikutan kejadian rusuhan yang tercetus baru-baru ini.

Setiausaha Negara Amerika, Colin Powell dalam Asian Wall Street Journal dipetik sebagai berkata, negaranya akan meningkatkan tekanan ke atas junta Myanmar untuk melepaskan Suu Kyi dan akan meminta bantuan negara Asean apabila menghadiri mesyuarat Forum Rantau Asean (ARF) yang akan diadakan minggu depan di Phnom Penh, Kemboja.

Tekanan itu cuba dibuat biarpun, utusan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail, berjaya berjumpa Suu Kyi dan memaklumkan bahawa keadaan beliau selamat.

Selepas pertemuan itu, Timbalan Menteri Luar Myanmar, Khin Maung Win, berkata langkah penahanan Suu Kyi akan ditarik balik tetapi tidak memberitahu bila ia akan dilaksanakan.

Pendirian Malaysia, yang dinyatakan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, mengenai konflik itu adalah Kuala Lumpur tidak mahu negara bukan anggota Asean cuba mencampuri urusan dalaman Myanmar.

Syed Hamid yang akan menghadiri Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-36

minggu depan berkata, konflik Myanmar akan turut menjadi satu daripada topik utama perbincangan bagi mesyuarat berkenaan.